

11/02/1997

Rakyat disaran bersama tangani gejala sosial

TAWAU, Isnin - Masyarakat pelbagai kaum di Sabah diingatkan supaya bersedia menjayakan program menangani gejala sosial yang akan dijalankan secara besar-besaran, tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh, berkata pembabitan semua lapisan masyarakat dalam menjayakan program itu penting kerana fenomena sosial jika dibiarkan boleh membawa implikasi keselamatan.

Katanya, usaha bersepadu kerajaan menangani masalah itu tidak akan berjaya tanpa pembabitan golongan masyarakat itu sendiri.

"Seluruh masyarakat perlu prihatin dan menyumbang ke arah membanteras gejala sosial yang semakin serius di negara ini," katanya dalam perjumpaan dengan masyarakat tempatan di Kampung Titingan, dekat sini.

Jumaat lalu, Berita Harian melaporkan bahawa Umno akan memulakan program besar-besaran memerangi gejala sosial di kalangan remaja Melayu, mulai bulan depan. Langkah itu diambil berikutan fenomena itu semakin kritikal dan boleh memusnahkan seluruh bangsa jika tidak dibendung.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini berkata, kerajaan menimbang cadangan supaya lepasan sekolah menyertai program kerahan tenaga bagi mengurangkan gejala sosial.

Ghapur yang juga Menteri Kewangan menegaskan, masyarakat khususnya orang Melayu perlu lebih peka dan memberi kerjasama menjayakan program yang dilaksanakan kerajaan.

Katanya, laporan media mendedahkan semakin ramai remaja Melayu terbabit dengan gejala sosial, justeru ia perlu ditangani bersama.

Sehubungan itu, beliau menyarankan ibu bapa mengambil bahagian secara aktif dengan memberi didikan agama secukupnya kepada anak-anak. Kajian menunjukkan gejala sosial itu berlaku disebabkan kurang pengetahuan agama.

"Jika anak kita tidak mempunyai pengetahuan asas agama, mereka akan mudah terjerumus dalam kegiatan tidak sihat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ghapur yang juga Ketua Umno Bahagian Tawau, mengarahkan semua 13 cawangan Umno dalam Zon Kampung Titingan supaya membentuk jawatankuasa khas membersihkan perkampungan itu.

Kampung Titingan, kira-kira setengah kilometer dari pusat bandar, adalah perkampungan terbesar di Tawau, tetapi dianggap sebagai kampung yang kotor dan menjadi pusat penularan gejala sosial serta kegiatan jenayah.

"Jawatankuasa khas itu penting untuk membolehkan program pembersihan seperti gotong royong dan program membanteras gejala sosial dijalankan secara bersepadu dengan membabitkan jabatan kerajaan."

"Penduduk tempatan perlu berwaspada dan memulakan inisiatif disebabkan 90 peratus penduduk Kampung Titingan adalah pendatang asing," katanya.

(END)